

Benih padi musnah angkara banjir

KUALANERANG-Seramai 30 petani di Kampung Lubuk Perung, Mukim Tekai Kiri kerugian selepas banjir yang melanda menyebabkan sawah mereka ditenggelami air.

Petani memaklumkan, banjir itu berlaku selepas hujan lebat yang turun baru-baru ini hingga menyebabkan benih padi yang baru ditabur telah dibawa oleh arus air.

Petani, Ibrahim Abd Rahman, 60, berkata, petani di kawasan itu baru sahaja membajak sawah mereka dan menabur benih padi untuk musim tanaman pada kali ini.

Bagaimanapun selepas beberapa hari, sawah mereka yang baru disemai dengan anak padi dipenuhi dengan air selepas hujan lebat



Petani Kampung Lubuk Perung menunjukkan sawah mereka yang tenggelam selepas banjir, baru-baru ini.

berlaku Khamis lalu hingga merosakkan semaian itu.

"Saya mengalami kerugian sebab terpaksa bajak semula dan beli benih padi berharga

RM22 setiap guni. Saya terpaksa mengeluarkan beratus ringgit lagi supaya dapat pulihkan balik sawah ini sebelum tanam padi semula," katanya.